



## **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

### **SIARAN MEDIA**

#### **'LAWATAN YAB TPM KE PUSAT DIALISIS UMS-YKN SABAH'**

**KOTA KINABALU, 16 September 2018** – Kerjasama pintar dengan pelbagai pihak amat penting demi kebajikan dan kelangsungan hidup kumpulan sasaran.

YAB Dato' Sri Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara berkata demikian dalam lawatan ke Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah yang diuruskan oleh Universiti Malaysia Sabah adalah contoh hasil kerjasama antara YKN dan Universiti Malaysia Sabah dalam membangunkan YKN Dialisis. Ia mula beroperasi pada 14 Jun 2017 yang mempunyai 10 buah mesin dialisis dengan kapasiti maksimum pesakit 54 orang dengan 3 shif.

YAB Dato' Sri Wan Azizah Dr. Wan Ismail menyatakan kemudahan rawatan yang disediakan menepati spesifikasi dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan sosial yang di berikan adalah bertujuan untuk membantu hasrat kerajaan mengurangkan beban rakyat dengan kos rawatan dialisis yang tinggi.

Bagi tempoh Januari 2015 sehingga Julai 2018, sejumlah RM4,052,627.00 telah dibelanjakan oleh YKN bagi membiayai 54 orang pesakit buah pinggang di seluruh negara. Manakala bagi Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah sahaja, sejumlah RM141,000.00 telah dibelanjakan oleh YKN bagi membiayai 9 orang pesakit buah pinggang sejak mula operasi. Turut hadir .....

Disediakan oleh : Bahagian Penjanaan Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,  
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 Putrajaya.  
No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420  
Tarikh dikeluarkan : 14 September 2018